

Tidak untungkan sesiapa – Saifuddin

KUALA LUMPUR 2 Sept. – Gerakan memboikot produk keluaran bukan bumiputera tidak mendatangkan sebarang keuntungan kepada sesiapa, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Beliau berkata, rakyat Malaysia seharusnya meraikan kepelbagaiannya masyarakat dan memanfaatkan kekuatan bersama terutamanya dalam soal ekonomi.

“Teras kepada kemakmuran negara ini adalah sifat saling hormat-menghormati dan mempercayai antara kita termasuklah ketika menjalankan urusan ekonomi.

“Sila saling mendukung ini akan membantu aktiviti ekonomi negara dan menjadikan negara lebih unggul,” katanya kepada pemberita ketika ditemui di Karnival Jualan i-Keep di sini hari ini.

Mutakhir ini terdapat kemenangan dalam media sosial oleh sekelintir pihak supaya memboikot barang keluaran bukan bumiputera dan membeli produk keluaran bumiputera.

Pada Jumaat lalu, Perdana



SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL melihat ikan bilis yang dijual dengan harga lebih murah daripada harga pasaran dalam majlis Perasmian dan Penutup Karnival Jualan i-Keep di Kuala Lumpur, semalam. – BERNAMA

Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak bersetuju dengan gerakan memboikot itu dan menyifatkan perkara itu hanya dilakukan oleh mereka yang berfikiran ceteck.

Ditanya sama ada beliau ada menerima sebarang laporan mengenai keberkesanan kemenangan boikot tersebut, Saifuddin berkata, beliau tidak menerima apa-apa maklumat.